

## ANALISIS SUMBER PEMAHAMAN FALSAFAH TERAPI MUZIK PADA ABAD PERTENGAHAN ISLAM

*(Analysis of Philosophical Understanding Sources on Music Therapy in the Middle Ages of Islam)*

Mohd Jailani bin Abdullah,\* Roziyah binti Sidik @Mat Sidek,\*\* Azmul Fahimi bin Kamaruzaman\*\*\* & Firuz Akhtar Mohamad Bohari\*\*\*\*

### Abstrak

Terapi muzik berkembang dengan pesat dalam abad pertengahan Islam iaitu bermula dari abad ke-9M sehingga abad ke-16M. Ia telah diaplikasikan sebagai rawatan terapi pesakit mental di hospital serta medium untuk merangsang ingatan kepada Ilahi (zikrullah) khususnya bagi para pendukung sufisme menerusi konsert al-sama<sup>c</sup>. Kepesatan perkembangannya dalam kedua-dua lapangan tersebut adalah hasil daripada pemahaman yang mendalam para sarjana Islam abad pertengahan terhadap falsafah terapi muzik. Persoalannya apakah sumber-sumber yang menjadi asas pemahaman terhadap falsafah terapi muzik tersebut? Justeru, objektif artikel ini adalah untuk mendedah dan menganalisis sumber pemahaman falsafah terapi muzik abad pertengahan Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa sumber falsafah terapi muzik diperolehi daripada tamadun Mesopotamia, Mesir, China dan Greek. Kemudian ia dikembangkan oleh para sarjana tamadun Islam dengan membuat penambahbaikan agar selari dengan paradigma Islam.

**Kata kunci:** muzik, terapi, falsafah terapi muzik, ritual sufistik, *al-sama<sup>c</sup>*

### Abstract

*Music therapy has been developed rapidly in medieval Islam from the 9<sup>th</sup> century to the 16<sup>th</sup> century AD. It has been applied as a therapeutic treatment for mental patients in hospitals and being as a medium to stimulate the memory to the Divine (zikrullah) especially for muslims mystics through al-sama<sup>c</sup> concerts. It's rapid development in both fields was the result of a deep understanding of medieval Muslim scholars on the philosophy of music therapy. The question is, what are the sources that gave them the understanding of the philosophy of music therapy? Therefore, the objective of this article is to uncover and analyze the source of understanding of the philosophy of Islamic medieval music. This study uses qualitative methodology and library research method by analyzing various primary and secondary sources. The findings of this study clearly show that the source of philosophical music therapy is derived from the civilizations of Mesopotamia, Egypt, China and Greece. Later, it was developed by scholars of Islamic civilization by making improvements in line with the Islamic paradigm.*

**Keywords:** music, therapy, philosophy of music therapy, sufistic rituals, *al-sama<sup>c</sup>*

### Pendahuluan

Menurut Shiloah,<sup>1</sup> semenjak daripada abad ke-3H/9M sehinggalah abad ke-10H/16M, banyak karya telah dihasilkan oleh para sarjana abad pertengahan Islam mengenai doktrin terapi muzik. Konsep doktrin ini adalah merupakan pengintegrasian antara teori-teori perubatan dan juga teori-teori muzik. Teori perubatan berakar umbi daripada doktrin campuran empat unsur alam (tanah, air, api dan

\* Mohd Jailani Abdullah (PhD), Researcher, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: jai\_amanee@yahoo.com.my.

\*\* Roziyah Sidik @ Mat Sidek (PhD) (corresponding author), Associate Professor, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). She is also Associate Senior Fellow, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: roziyah@ukm.edu.my.

\*\*\* Azmul Fahimi bin Kamaruzaman (PhD), Senior Lecturer, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: azmul@ukm.edu.my.

\*\*\*\* Firuz Akhtar Mohamad Bohari (PhD), Lecturer, Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: firuz@ukm.edu.my.

<sup>1</sup> Shiloah, A. (1993), "Musical modes and the medical dimension: The Arabic source (c.900-c.1600)," Shiloah, A. (ed.), *The Dimension of music in Islamic and Jewish culture*, Great Britain: Variorum, h. 147.

udara). Menerusi teori ini para ahli perubatan percaya bahawa unsur humor iaitu darah, hempedu kuning, hempedu hitam dan lendir mewakili empat unsur alam tersebut. Setiap unsur humor dan alam ini mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri iaitu panas, sejuk, kering dan lembap. Lazimnya, sifat-sifat tersebut adalah berpasangan misalnya api atau hempedu kuning bersifat panas dan kering, tanah atau hempedu hitam bersifat sejuk dan kering. Air atau balgham bersifat sejuk dan lembap. Manakala udara atau darah bersifat panas dan lembap. Keseimbangan kualiti unsur-unsur humor ini bukan sahaja dapat menentukan tahap kesihatan manusia, bahkan juga situasi temperamen<sup>2</sup> mereka seperti optimistik, pemaarah, murung dan tenang.

Sehubungan dengan itu, jelas Farmer,<sup>3</sup> sarjana Islam abad pertengahan misalnya al-Kindi menganggap prinsip unsur dan humor ini sangat penting kerana ia menyediakan formula berguna untuk menghasilkan ubat sebatian kompleks (*compound drug*) yang baik dan berkesan. Demikian juga, al-Kindi berpandangan bahawa gubahan muzik yang betul mampu menjadi remedi kepada ketidakseimbangan humor dalam badan manusia. Ini adalah kerana setiap unsur serta humor mempunyai pertalian yang erat dengan empat jenis tali oud<sup>4</sup> iaitu tali *zir* (C) menyamai unsur api dan hempedu kuning kerana paling halus serta menghasilkan bunyi yang agak tinggi. Tali *mathna* (G) pula menyamai unsur darah dan udara. Tali *mathlath* (D) menyamai unsur air dan balgham. Manakala tali *bamm* (D) menyamai unsur tanah dan hempedu hitam.

Oleh kerana perkembangan terapi muzik abad pertengahan Islam dilihat selari dengan kepesatan bidang perubatan maka, ia telah diimplementasikan sebagai rawatan di hospital-hospital yang wujud dalam abad tersebut. Menurut Isgandarova<sup>5</sup> di antara hospital yang telah mengaplikasikan terapi muzik ialah Hospital °Adudi di Baghdad, Hospital al-Mansuri di Kaherah, Hospital Nuri di Sham, Hospital Gevher Nesibe di Kayseri, Hospital Keykavus di Sivas, Hospital Turan Melik di Divrigi, Hospital Pervane Bey di Tokat, Hospital Atabey Ferruh di Cankiri, Hospital °Ali bin Pervane di Kastamonu dan juga hospital-hospital yang muncul dalam era °Uthmani. Jelas Schimmel<sup>6</sup> biasanya terapi muzik diaplikasikan untuk merawat pesakit mental sama ada menerusi bunyi instrumen ataupun bunyi air. Sehubungan dengan itu, di hospital-hospital abad pertengahan Islam disediakan dewan atau pentas khas untuk persembahan muzik (instrumen) dan juga kolam air pancutan bagi menghasilkan bunyi desiran air agar dapat mencetuskan kesan terapeutik kepada semua pesakit. Selain di hospital, terapi muzik juga turut diaplikasikan di pusat-pusat gerakan sufisme. Di sana muzik dijadikan sebagai wasilah untuk mencapai tujuan kerohanian dalam perjalanan menuju Ilahi. Ia diaplikasikan dalam sebuah konsert muzik kerohanian yang dikenali sebagai *al-sama*<sup>c</sup>.

Menurut Noer,<sup>7</sup> *al-sama*<sup>c</sup> ialah konsert muzik spiritual yang disertai dengan deklamasi syair, alunan puji-pujian dan juga doa. Secara harfiahnya, *al-sama*<sup>c</sup> bermaksud pendengaran. Ia merupakan amalan yang dilakukan oleh sebahagian ahli sufi pada akhir abad ke-3H/9M dan biasanya disertai dengan pergerakan fizikal seumpama tarian (*al-raqs*). Para ahli sufi menjadikan *al-sama*<sup>c</sup> sebagai medium untuk merangsang ingatan mereka kepada Ilahi (zikrullah). Ritual *al-sama*<sup>c</sup> dilihat mempunyai manfaat terapeutik sama ada dari aspek emosi mahupun rohani, tegas Mir Muhammadi<sup>8</sup> terdapat tiga impak positif yang terhasil daripada amalan *al-sama*<sup>c</sup> iaitu:

a. Apabila seseorang dilanda perasaan bosan disebabkan oleh kesukaran dalam menjalani kehidupan seharian, mereka akan melakukan *al-sama*<sup>c</sup> agar kerisauan, keletihan dan perasaan jemu yang menyelubungi hati serta perasaan dapat dikurangkan.

---

<sup>2</sup> Temperamen ialah kualiti yang terhasil daripada interaksi antara empat humor. Keempat-empat humor tersebut mempunyai kualiti yang bertentangan namun tidak dapat dilihat. Temperamen yang terbaik dicapai bila semua kualiti humor berpadu secara harmoni sehingga tiada lagi pertentangan. Temperamen ini akan memanifestasikan perlakuan yang cukup seimbang dan baik. Dikatakan temperamen yang paling seimbang sukar diperolehi. Ia hanya dimiliki oleh Rasulullah s.a.w dan orang-orang yang benar-benar beriman sahaja. Tanda seseorang itu mempunyai temperamen yang seimbang ialah sentiasa berakhlak mulia (Pisol Maidin & Mohd Nor Mamat (2014), Daripada falsafah menjadi sains: doktrin perubatan melayu dalam *kitab bustan al-salatin, Perpustakaan Negara Malaysia* 1-12, h. 5).

<sup>3</sup> Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, Frankfurt: Institute for the History of Arabic-Islamic Science, h. 300.

<sup>4</sup> Oud merupakan alat muzik tradisional yang diklasifikasikan sebagai kordofon jenis lut (dipetik) (Kamus Seni Muzik (2009), Edisi Pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 192).

<sup>5</sup> Isgandarova, N. (2015), "Music in Islamic spiritual care: a review of classical sources," *Religious Studies and Theology Journal*, Bil. 34, no. 1, h. 112.

<sup>6</sup> Schimmel, A. (1975), *Mystical Dimensions of Islam*, America: North Carolina Press, h. 180-181.

<sup>7</sup> Noer, K. A. (2006), "Tasawuf dalam peradaban Islam: apresiasi dan kritik," *Ulumuna*, Bil. 10. no.2, h. 373.

<sup>8</sup> Mir Mohammadi, A. S. (2016), "A study of the role of sama in literary mystical texts," *Journal of Fundamental and Applied Science*, Bil. 9, h. 374.

- b. Apabila para sufi menghadapi beberapa batasan dalam mengharungi perjalanan sufistik mereka. Justeru, dengan amalan *al-sama<sup>c</sup>* batasan atau halangan tersebut dapat diatasi.
- c. *al-Sama<sup>c</sup>* dapat menyucikan keadaan jiwa yang kotor menerusi pendengaran secara rohani terhadap lagu-lagu yang menenangkan.

Isgandarova<sup>9</sup> turut berpandangan bahawa perkembangan terapi muzik di hospital-hospital abad pertengahan Islam didasari oleh pemahaman yang mendalam para sarjana Islam terhadap terapi muzik dari perspektif falsafah. Oleh itu, dalam konteks memahami terapi muzik dari perspektif falsafah sudah tentu mempunyai sumber-sumbernya yang tersendiri kerana sejarah awal penulisan karya dalam bidang muzik hanyalah berkisar mengenai aspek gubahan melodi (*al-ghina'*) semata-mata. Jelas Shehadi<sup>10</sup> di antara tokoh terawal yang telah menghasilkan karya mengenai muzik ialah Yunus al-Katib iaitu *Kitab al-Nagham* dan *Kitab al-Qiyan* serta Khalil ibn Ahmad iaitu *Kitab al-Nagham* serta *Kitab al-Iqa<sup>c</sup>*. Kedua-dua penulis tersebut hanya membicarakan muzik dalam skop koleksi lagu-lagu, latar belakang penyanyi dan juga komposer. Hal demikian amat berbeza setelah kemunculan al-Kindi, Ikhwan al-Safa', al-Farabi dan Ibn Sina. al-Kindi misalnya dianggap sebagai sarjana Islam terulung yang menulis tentang muzik dalam konteks falsafah (*al-musiqah*). Beliau turut mengupas tentang falsafah terapi muzik dengan tuntas dalam karya berjudul *al-Risalah fi Ajza' Khabariyyah fi al-Musiqah*. Jadi, persoalannya apakah sumber-sumber yang menyumbang kepada pemahaman al-Kindi dan para sarjana Islam selepas beliau mengenai falsafah terapi muzik? Untuk menjawab persoalan tersebut, kajian ini akan menelusuri sejarah terapi muzik tamadun Mesir purba, tamadun China purba, tamadun Greek dan tamadun Rom.

### Skop dan Metodologi

Kajian ini memfokuskan kepada analisis sumber pemahaman terapi muzik abad pertengahan Islam dan aplikasi terapi muzik di hospital serta dalam ritual sufistik. Metodologi yang dipilih untuk kajian ini ialah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen terhadap pelbagai sumber primer dan sekunder. Reka bentuk kajian ini ialah kajian pensejarahan. Data dan maklumat yang diperolehi dalam menjalankan kajian ini adalah menerusi kajian kepustakaan, manakala analisis data pula menggunakan kaedah tematik.

### Keyakinan terhadap Pengaruh Muzik ke atas Psikofisiologi Manusia dan Haiwan

Secara tradisinya, masyarakat Arab abad pertengahan Islam meyakini keupayaan muzik mempengaruhi manusia dan haiwan meskipun mereka belum memahami hakikat terapi muzik khususnya dari perspektif falsafah, misalnya menurut al-Tusi<sup>11</sup> keindahan suara dan kemerduan melodi telah digunakan semenjak dahulu lagi untuk menghentikan tangisan bayi yang kesakitan. Malah al-Hajwiri<sup>12</sup> turut menyatakan sebuah kisah yang berlaku di zaman Parsi kuno di mana salah seorang rajanya mangkat. Lantas, para menteri mencadangkan agar ditabalkan putera mahkotanya yang berusia dua tahun untuk menjadi raja. Walau bagaimanapun, sebelum pertabalan dilakukan putera tersebut perlu diuji terlebih dahulu untuk mengetahui sejauh mana kepekaan dan kebijaksanaannya. Ujian tersebut adalah menerusi nyanyian. Semasa ia didengarkan, putera itu memberi respon sepenuhnya dengan mengoyang-goyangkan tangan dan kakinya. Melihat kepada tingkah laku putera itu, ternyata ia layak ditabalkan sebagai pengganti raja.<sup>13</sup>

Demikian juga, nyanyian penunggang unta sudah diakui keberkesanannya semenjak dari zaman Jahiliyyah lagi. Jelas al-<sup>c</sup>Allaf<sup>14</sup> seekor unta di padang pasir akan mempercepatkan langkahnya setelah mendengar nyanyian *al-huda'*,<sup>15</sup> walaupun pada ketika itu ia memikul beban yang berat. Lazimnya, setelah unta mendengar lagu tersebut ia terus mendongakkan kepala serta mempercepatkan

<sup>9</sup> Isgandarova, N. (2015), *Music in Islamic spiritual care: a review of classical sources*, h. 103.

<sup>10</sup> Shehadi, F. (1995), *Philosophies of Music in Medieval Islam*, New York: E.J Brill, h. 15.

<sup>11</sup> al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj (1960), *al-Luma<sup>c</sup>*, <sup>c</sup>Abd al-Halim Mahmud (ed.), Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah, h. 340.

<sup>12</sup> al-Hajwiri, Abu al-Hasan <sup>c</sup>Ali ibn <sup>c</sup>Uthman (t.t.), *Kashf al-Mahjub*, Abu al-<sup>c</sup>Aza'im, Isma'il Madi (terj.), t.tp.: Dar al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi, h. 486.

<sup>13</sup> Abdullah, M., Sidik @ Mat Sidek, R., & Kamaruzaman, A. (2019). Terapi Muzik sebagai Rawatan Komplementari di Bimaristan al-Mansuri pada abad ke 13 Masihi (Music Therapy as a Complementary Treatment in Bimaristan al-Mansuri during the 13th Century). *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 14, No. 1, h. 27-36.

<sup>14</sup> al-<sup>c</sup>Allaf, <sup>c</sup>Abd al-Karim (1963), *al-Tarab <sup>c</sup>Inda al-<sup>c</sup>Arab*, Baghdad: al-Maktabah al-Ahliyah, h. 2-3.

<sup>15</sup> al-Huda' bermaksud nyanyian untuk unta. Ia juga merupakan lagu etnik Arab Jahiliyyah yang dinyanyikan semasa bermusafir dengan menunggang unta (al-Mu'jam al-Asasi al-<sup>c</sup>Arabi (t.t.), t.tp.: Larus, h. 300).

langkahnya. Sebenarnya bukan sahaja unta yang terpesona dengan suara bermelodi, malah binatang lain pun turut terpegun mendengarnya.

### **Sumber Pemahaman Falsafah Terapi Muzik Abad Pertengahan Islam**

Bagi mengenal pasti sumber pemahaman falsafah terapi muzik dalam abad pertengahan Islam seharusnya diteliti sejarah terapi muzik merentasi pelbagai tamadun iaitu:

#### *Terapi Muzik dalam Tamadun Mesir Purba*

Dalam mukadimah *Kitab al-Musiqa al-Kabir* hlm. 15, dinyatakan bahawa bangsa Mesir purba adalah perintis dalam bidang muzik. Kenyataan tersebut adalah bersandarkan kepada kitab Tawrah yang menyebut individu pertama mendendangkan nyanyian sambil memetik alat muzik bertali (*al-ma'azif*)<sup>16</sup> dan memukul gendang (*al-tabl*)<sup>17</sup> ialah Banu (anak-anak) Lamak dari keturunan Qayin. Malah, dikatakan Yubal bin Lamak adalah individu yang mencipta oud.

Menurut Koc et al.,<sup>18</sup> perkembangan terapi muzik dalam tamadun Mesir purba adalah selari dengan kemajuan dalam bidang perubatan. Terapi muzik memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Mesir purba. Dalam tamadun ini, secara teknikalnya muzik dimainkan terlebih dahulu sebelum rawatan penyakit dilakukan kerana ia dipercayai mempunyai kuasa penyembuhan yang luar biasa. Demikian juga, terapi muzik seringkali diaplikasikan semasa wanita dalam proses bersalin.

Kewujudan rawatan terapi muzik dalam tamadun Mesir purba jelas Whitebread<sup>19</sup> boleh dibuktikan berdasarkan sebuah lukisan yang terpampang pada dinding makam di Thebes (bandar Mesir purba terletak di timur Sungai Nil). Lukisan itu menggambarkan David sedang merawat Saul dengan hap Mesir kerana mengalami melankolia<sup>20</sup> yang dikatakan berpunca daripada gangguan roh jahat sang dewa. Kesan daripada pengaruh roh jahat tersebut telah menghakis sedikit demi sedikit roh yang baik daripada tubuh Saul. Oleh itu, untuk memulihkan semula kesihatan Saul, maka David menjalankan terapi muzik ke atasnya sehinggalah beliau sembuh seperti biasa. Jelas Ka'dan<sup>21</sup> ahli perubatan Mesir purba yang pertama menggunakan muzik di dalam rawatan ialah Imhotep. Beliau telah menubuhkan sebuah institusi perubatan yang mengaplikasikan rawatan menggunakan muzik.

#### *Terapi Muzik dalam Tamadun China Purba*

Dalam tamadun China purba, muzik diyakini amat bermanfaat kepada kehidupan manusia. Buktinya, jelas Koc et al.<sup>22</sup> seorang ahli falsafah China yang terkenal iaitu Confucius (meninggal tahun 479S.M) pernah menyatakan bahawa muzik dapat membantu penglihatan manusia agar lebih jelas, menajamkan pendengaran dan melancarkan peredaran darah. Bahkan, al-Hulwi<sup>23</sup> dan Yusuf<sup>24</sup> menyatakan bahawa Confucius menganggap seni muzik sebagai satu lambang sebuah peradaban atau ketamadunan sebagaimana katanya: "Jika anda ingin mengenali kemajuan sesuatu bangsa, maka dengarlah gubahan muzik mereka".

Kajian ini menganggap kata-kata Confucius di atas bermaksud kemajuan dalam bidang muzik adalah lambang kepesatan pembangunan sesebuah tamadun kerana perkembangan dalam bidang tersebut adalah seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan secara keseluruhannya. Ini bermakna untuk mengubah sesebuah lagu ataupun melodi sudah tentu memerlukan pengetahuan dalam aritmetik sedangkan ilmu ini adalah merupakan salah satu komponen dalam disiplin matematik. Manakala

<sup>16</sup> al-Ma'azif adalah hap (Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 123.

<sup>17</sup> Alat muzik tradisional yang diklasifikasikan sebagai membranofon jenis dram (Kamus Seni Muzik (2009), Edisi Pertama, h. 271).

<sup>18</sup> Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), "Nutrition of the soul and body: music and medicine from past to present," *Konuralp Medical Journal*, Bil. 8, no. 1, h. 52.

<sup>19</sup> Whitebread, C. (1924), The magic, psychic, ancient Egyptian, Greek, and Roman medical collections of the division of medicine in the United States National Museum, *Proceedings of U.S National Museum*, h. 17.

<sup>20</sup> Dalam istilah perubatan ia bermaksud depresi. *al-Malikhuliya* berasal daripada perkataan Yunani iaitu gabungan antara *melas* (hitam gelap) dan *Khole* (hempedu). Kebanyakan ahli perubatan Arab menyebutnya *al-Malikhuliya* (Ibn 'Imran, Ishaq (2009), *Maqalah fi al-Malikhuliya*, Tunis: Matba'ah al-Maghrib li al-Nashr, h. 29).

<sup>21</sup> <https://www.ishim.net/articles.html>.

<sup>22</sup> Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), Nutrition of the soul and body, h. 52-53.

<sup>23</sup> al-Hulwi, Salim (1974), *Tarikh al-Musiqa al-Syarqiyyah*, Bayrut: Dar Maktabah al-Hayah, h. 28.

<sup>24</sup> Yusuf, Zakariya (1962), *Musiqa al-Kindi*, Baghdad: Matba'ah Shafiq, h. 1.

matematik pula, pada pandangan Mat Rofa Ismail<sup>25</sup> adalah cabang kepada ilmu falsafah. Jadi, kemahiran di dalam bidang muzik memerlukan kepada penguasaan dalam ilmu-ilmu yang lain. Justeru, apabila pelbagai disiplin ilmu itu dikuasai sepenuhnya, maka lahirlah sebuah bangsa yang maju dan bertamadun.

Tamadun China purba telah pun mengakui manfaat terapi muzik semenjak daripada 4000 tahun dahulu sebagaimana laporan Karahan<sup>26</sup> menyebut bahawa seorang Maharaja China bernama Chung menyakini gubahan muzik yang betul dapat membangkitkan perasaan toleransi, belas ihsan, seronok dan berani. Demikian juga para sarjana mereka turut sama meyakini muzik dapat memberi kebaikan kepada manusia iaitu menjamin kehidupan yang sihat, mewujudkan suasana tenang dan melegakan perasaan hiba. Instrumen muzik iaitu gong dipercayai dapat mengusir roh jahat dan mengembalikan roh yang baik.

Nettl<sup>27</sup> memetik sebuah catatan yang telah direkod dalam tahun 100M oleh seorang individu berbangsa China berkaitan dengan sebuah upacara suci masyarakat China dikenali sebagai 'li ki'. Sehubungan dengan itu, aktiviti menari dalam upacara suci masyarakat China tersebut dianggap sebagai manifestasi kepada sebuah perhambaan kepada keharmonian alam semesta serta bertindak sebagai pengawal semangat atau emosi manusia. Dalam konteks hubungan antara muzik dengan emosi manusia, seringkali ditekankan soal jumlah dawai yang ada pada sesuatu alat muzik kerana ia akan menentukan penghasilan pelbagai jenis nada. Oleh itu, tali atau dawai tersebut sentiasa berubah kuantitinya (mengikut kesesuaian) sama ada kurang atau lebih agar melodi yang dimainkan nanti tidak mendatangkan kesan negatif terhadap jiwa dan emosi pendengar.

Malah, menurut Farrukh<sup>28</sup> maharaja-maharaja China amat menitik beratkan soal gubahan muzik kerana ia dipercayai dapat mempengaruhi sikap positif para pegawai kerajaan dalam aspek pengurusan pentadbiran negara dan juga para tentera di medan pertempuran. Dikatakan sebilangan besar maharaja China berkemahiran tinggi mereka cipta instrumen muzik contohnya Maharaja Fu Hsi (memerintah tahun 2852-2737S.M) mencipta oud dan Maharaja Huang Ti (memerintah tahun 2697-2597S.M) mencipta *al-lus* (instrumen yang diperbuat daripada dua belas batang buluh di mana setiap satunya berbeza ukuran panjang agar dapat menghasilkan pelbagai jenis nada muzik).

Selanjutnya, dalam proses menggubah sesebuah melodi muzik, masyarakat China amat menitikberatkan soal moral dan etika. Jelas al-Hulwi,<sup>29</sup> lazimnya mereka menyusun skala muzik berdasarkan lima jenis bunyi yang berkait rapat dengan prinsip agama dan moral. Salah seorang ahli falsafah China bernama Sima Tzi menegaskan bahawa falsafah utama seni muzik adalah untuk mendidik akhlak. Tambah beliau lagi, para pemerintah China meletakkan peraturan khusus dalam seni muzik yang bertujuan untuk mendidik rakyat mengenai konsep keadilan sejagat. Masyarakat China meyakini kewujudan unsur-unsur kebaikan atau kejahatan adalah berkait rapat dengan bentuk susunan nada muzik serta jenis peralatan yang digunakan. Mereka juga meyakini bahawa muzik bukan sahaja berkait rapat dengan soal pemupukan nilai kerohanian, akhlak mulia dan jiwa yang luhur, bahkan juga soal ketatanegaraan.

### *Terapi Muzik dalam Tamadun Greek*

Dalam tamadun Greek terapi muzik dilihat memainkan peranan penting dalam menangani masalah kesihatan fizikal, mental dan spiritual. Sehubungan dengan itu, Koc et al.<sup>30</sup> melaporkan bahawa penyair Greek bernama Homer (hidup dalam abad ke-9S.M) pernah mencatatkan dalam karyanya *Odyssey* mengenai keupayaan terapi muzik untuk menghentikan pendarahan. Justeru itu, ia dikatakan amat sesuai jika diaplikasikan semasa pesakit sedang menjalani rawatan pembedahan. Demikian juga, Pythagoras (meninggal tahun 495S.M) menyarankan agar terapi muzik diaplikasikan ke atas seseorang yang sedang dilanda kekecewaan dan panas baran. Selain itu, jelas Karahan,<sup>31</sup> Pythagoras percaya terapi muzik sangat efektif untuk merawat penyakit yang disebabkan oleh gangguan hormon

<sup>25</sup> <https://ummahonline.wordpress.com/2009/04/03/falsafah-dan-matematik-ibarat-aur-dan-tebing>.

<sup>26</sup> Karahan, S. (2006), *Music in Turkey in the historical process therapy*, Tesis Master, Universiti Istanbul, h. 10-11.

<sup>27</sup> Nettl, P. (1889), *The Story of Dance Music*, New York: Greenwood Press, h. 29-30.

<sup>28</sup> Farrukh, Umar (1970), *Tarikh al-Ulum 'ind al-'Arab*, Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, h. 52.

<sup>29</sup> al-Hulwi, Salim (1974), *Tarikh al-Musiqa al-Syarqiyyah*, Bayrut: Dar Maktabah al-Hayah, h. 22.

<sup>30</sup> Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), *Nutrition of the soul and body*, h. 52.

<sup>31</sup> Karahan, S. (2006), *Music in Turkey in the historical process therapy*, h. 7.

dalam badan. Malah menurut Burnett,<sup>32</sup> secara praktikalnya, Pythagoras pernah mengaplikasikan terapi muzik ke atas seorang pemuda yang mabuk daripada Taormina (terletak dalam daerah Sicily) agar ia kembali waras dan tenang.

Berkaitan dengan Pythagoras, Ibn al-Qifti<sup>33</sup> menyifatkannya sebagai ahli falsafah Greek yang sangat terkenal. Ketika berada di Mesir ia menimba pelbagai ilmu pengetahuan daripada pengikut-pengikut Nabi Sulayman a.s.<sup>34</sup> seperti ilmu kejuruteraan, ilmu sains tabi'i' dan teologi. Setelah kembali ke Greek ilmu-ilmu tersebut disebarkan pula kepada masyarakat Greek. Dalam bidang muzik, Pythagoras memiliki kemahiran tinggi dalam aspek gubahan melodi berdasarkan prinsip aritmetik. Selain daripada menguasai ilmu-ilmu tersebut, beliau juga mempunyai pengetahuan dalam metafizik iaitu suatu ilmu tentang ketuhanan dan alam kerohanian. Sehubungan dengan itu, suatu hal yang amat menakjubkan berlaku kepada Pythagoras iaitu beliau pernah menerima pancaran ilmu daripada Ilahi (*al-hikmah al-Ilahiyyah*) dan pada saat itu juga diperdengarkan sebuah melodi yang sangat merdu seumpama melodi muzik (*al-alhan al-musiqiyyah*).<sup>35</sup> Hal tersebut berlaku disebabkan oleh kesucian batinnya daripada sifat-sifat tercela.

Pythagoras bukan sahaja memperolehi ilmu muzik menerusi pengalaman mistik, bahkan juga melalui mimpi dan pengalaman empirik. al-Urmawi<sup>36</sup> dan Haji Khalifah<sup>37</sup> menyebut, Pythagoras telah didatangi oleh seseorang di dalam mimpinya selama tiga malam berturut-turut dan menyuruhnya pergi ke sebuah lokasi yang berhampiran dengan pantai kerana di sana nanti beliau bakal memperolehi suatu ilmu yang sangat unik. Bermula dengan mimpi malam pertama, keesokan harinya beliau terus pergi ke tempat yang dimaksudkan, namun tidak ditemui apa-apa pun. Begitulah juga dengan mimpi malam kedua, sekali lagi beliau pergi ke sana tetapi hasilnya tetap sama. Akhirnya, setelah mimpi malam ketiga, beliau masih mengunjungi lokasi tersebut kerana menganggap mimpinya itu agak luar biasa dan tidak boleh dipandang remeh. Walau bagaimanapun keadaannya masih sama dan belum juga menjumpai sesiapa pun melainkan sekumpulan tukang besi yang sedang memukul besi bertalu-talu dengan penukul sehingga menghasilkan pelbagai jenis bunyi. Lalu beliau cuba mendekati sambil memerhatikan situasi tersebut dengan penuh minat dan asyik sekali. Setelah pulang ke rumah barulah terlintas dalam fikirannya, bahawa situasi yang berlaku di kilang besi tersebut merupakan suatu 'pembelajaran' mengenai kaedah menghasilkan bunyi yang harmoni. Semenjak dari itu, Pythagoras cuba menghasilkan pelbagai jenis bunyi menggunakan instrumen yang direkanya iaitu sejenis alat muzik bertali. Sambil memetik instrumen tersebut, Pythagoras juga turut mengungkapkan bait-bait puisi yang mengajak umat manusia mengesakan Allah s.w.t serta melakukan perkara kebaikan sebagai bekalan untuk hari akhirat mengikut adat dan kepercayaan masyarakat pada masa itu.

Kajian ini mendapati bahawa Pythagoras meyakini efek terapeutik muzik jika frekuensi bunyi sesebuah instrumen serasi dan harmoni dengan frekuensi melodi yang terhasil daripada pergerakan objek-objek samawi. Malah, pembentukan doktrin '*the harmony of the spheres*' adalah natijah daripada pengintegrasian dua disiplin ilmu iaitu muzik dan juga astronomi. Dalam konteks tersebut Pythagoras dilihat cuba mengaitkan muzik dengan alam semesta. Menurut beliau seluruh alam semesta dicipta berdasarkan nisbah muzikal, maka dengan sebab itulah tujuh buah planet yang berada di antara langit dan bumi boleh menghasilkan alunan melodi. Selain itu, muzik juga dianggap sebahagian daripada intipati alam semesta dan ia mempunyai kualiti-kualiti tertentu di mana setiap nada, irama dan melodinya mempunyai pertalian antara fenomena langit dan bumi sehingga mencetuskan tindak balas mental atau fizikal. Setiap respon yang terjadi adalah bertepatan dengan jenis-jenis melodi atau nada yang dihasilkan, misalnya melodi untuk mengatasi depresi, meredakan

---

<sup>32</sup> Burnett, C. (2000). "Spiritual medicine, Music and healing in Islam and its influence in western medicine," Penelope, G. (ed.), *Musical Healing in Cultural Contexts*, England: Ashgate, h. 85.

<sup>33</sup> Ibn al-Qifti, 'Ali ibn Yusuf (1908), *Ikhbar al-'Ulama' bi Akhbar al-Hukama'*, Mesir: Dar al-Kutub al-Khidiyyah, h. 170-171.

<sup>34</sup> Pythagoras adalah murid kepada Nabi Sulayman a.s sendiri dan bukannya murid kepada pengikut baginda (al-Urmawi, Safi al-Din 'Abd al-Mu'min ibn Yusuf (t.t.), *Kitab al-Adwar wa al-Risalah al-Sharafyyah*, jil. 6. Istanbul: Maktabah Nur 'Uthmaniyyah & Maktabah Tub Qabu Seray, h. 20). Namun, ada juga pandangan yang mengatakan beliau adalah adalah murid kepada paderi Phonecia (Kana'an) dan ilmuwan Chaldea di Babylon (Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 295).

<sup>35</sup> *al-Alhan al-Musiqiyyah* tersebut terhasil daripada pergerakan objek-objek samawi (Haji Khalifah, Mustafa ibn 'Abd Allah & Chelebi, Katib (t.t), *Kashf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-funun*, h. 1092).

<sup>36</sup> al-Urmawi, Safi al-Din 'Abd al-Mu'min ibn Yusuf (t.t.), *Kitab al-Adwar wa al-Risalah al-Sharafyyah*, h. 20-22.

<sup>37</sup> Haji Khalifah, Mustafa ibn 'Abd Allah & Chelebi, Katib (t.t), *Kashf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-funun*, h. 1902-1903.

kesedihan, membakar semangat dan juga menghilangkan ketakutan. Perkaitan antara nada yang harmoni dengan fenomena kosmik membentuk sebuah lagi doktrin iaitu doktrin *ethos*.<sup>38</sup>

Selain Pythagoras, Plato (meninggal tahun 347S.M) juga mempunyai idea atau teori tersendiri berkaitan dengan falsafah muzik. Dalam hal tersebut Gocer<sup>39</sup> menyatakan pengaruh falsafah Plato terhadap Islam bukan sahaja kelihatan di dalam bidang politik dan geometri semata-mata, malah juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan estetika iaitu falsafah seni serta kecantikan. Justeru itu, pandangan Islam terhadap seni boleh dikatakan selari dengan aksiom (kebenaran atau prinsip yang diterima umum) Plato yang mengatakan bahawa Tuhan merupakan model seni artistik menerusi prinsip keharmonian kosmos dan segala ciptaanNya. Oleh sebab itulah, kebanyakan ahli falsafah Islam abad pertengahan yang mengkaji falsafah Greek terutama falsafah Plato adalah merupakan golongan sarjana terkenal dalam bidang muzik, kesusasteraan dan seni bina.

Tambah Gocer<sup>40</sup> lagi, dimensi estetika Ilahi telah memberi kesan yang besar terhadap hasil rekaan manusia yang penuh dengan nilai artistik sehingga berupaya meningkatkan nilai etika kemanusiaan. Kehidupan yang baik adalah sebuah kehidupan yang penuh dengan keharmonian dan keindahan. Manakala keharmonian pergerakan serta keindahan bunyi pula adalah seumpama sebuah tarian dengan iringan bunyi muzik yang mengasyikkan. Kedua-duanya adalah suatu anugerah Ilahi yang amat bernilai untuk manusia yang menyedari keagungan Tuhan dan keunikan segala ciptaanNya. Tegas Burnett,<sup>41</sup> dalam konteks terapi muzik, Plato amat menekankan keserasian antara keharmonian jiwa manusia dan keharmonian alam semesta. Malah jelas Farmer,<sup>42</sup> Plato juga pernah menyatakan dalam karyanya *Republic* bahawa muzik adalah simulasi sebuah kehidupan manusia. Malah, Carvelling & Lippi<sup>43</sup> dan Koc et al.<sup>44</sup> turut menyatakan bahawa Plato juga mempunyai pandangan yang sama dengan ahli falsafah sebelumnya berkaitan dengan pengaruh irama yang harmoni terhadap jiwa atau rohani manusia.

Jadi, boleh dikatakan keyakinan terhadap kesan luar biasa terapi muzik sudah lama terpahat dalam masyarakat Greek. Ia bukan sahaja dianggap sebagai medium rawatan, bahkan juga sebagai senjata untuk menakutkan musuh. Jelas Karahan<sup>45</sup>, dalam mitos Greek, Apollo dianggap sebagai dewa penyembuhan, ia menggunakan instrumen yang dikenali sebagai *lyre*<sup>46</sup> untuk menggembarakan perasaan individu yang dilanda keresahan. Anak beliau bernama Orpheus, juga terkenal sebagai pemain *lyre* yang handal dalam sejarah Greek kuno. Lazimnya, jelas Ibn Hindu,<sup>47</sup> selain daripada *lyre*, instrumen tiupan<sup>48</sup> juga digunakan sebagai medium terapi. Ikhwan al-Safa'<sup>49</sup> pula menerangkan orang-orang Greek menggunakan *al-urghun* di medan peperangan untuk menakutkan musuh kerana

---

<sup>38</sup> Istilah *ethos* adalah merujuk kepada karakter, perangai, tabiat, mood, kerangka pemikiran dan juga humor. Ia bermaksud muzik mampu mempengaruhi minda dan fizikal seseorang (Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 420). Sarjana tamadun Greek telah menerapkan doktrin *ethos* di dalam genre muzik, mod muzik, irama, instrumen dan sebagainya. Di antara mod melodi yang digubah khusus berdasarkan prinsip *ethos* ialah;

a. mod *dorian* - mencetuskan sifat berani dan agresif.

b. mod *hypodorian* - menstabilkan emosi dan mencetuskan perasaan gah.

c. mod *mixolydian* - menimbulkan perasaan belas kasihan dan sedih.

d. mod *phrygian* - menyebabkan seseorang menjadi resah, gelisah serta keterujaan melampau.

e. mod *hypophrygian* - menjadikan seseorang bergerak aktif.

f. mod *lydian* - mencetuskan perasaan hiba.

g. mod *hypolydian* - membangkitkan semangat (Cozma, C. (2007), *Ethos of music art- Essay in Moral Philosophy*, Romania: Editura 3D Arte, h. 39-40).

<sup>39</sup> Gocer, A. (1999), "A Hypothesis concerning the character islamic," *Journal of the History of Ideas* Bil. 60, no. 4, h. 684-686.

<sup>40</sup> Gocer, A. (1999), "A Hypothesis concerning the character islamic," h. 689-690.

<sup>41</sup> Burnett, C. (2000), "Spiritual medicine. Music and healing in Islam and its influence in western medicine," h. 88.

<sup>42</sup> Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 421-422.

<sup>43</sup> Cervellin, G. & Lippi, G. (2011), "From music-beat to heart-beat: A journey in the complex interactions between music, brain and heart," *European Journal of Internal Medicine*, Bil. 22, no. 4, h. 371.

<sup>44</sup> Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), "Nutrition of the soul and body," h. 52.

<sup>45</sup> Karahan, S. (2006), Music in Turkey in the historical process therapy, h. 6.

<sup>46</sup> *Lyre* terdiri daripada badan yang berbentuk kotak atau mangkuk. Dua batang leher dipasang pada badan alat muzik ini. Sebatang kok diikat pada hujung kedua-dua leher tersebut. Beberapa utas tali dipasang pada badan serta kok dan talinya dipetik dengan jari (Kamus Seni Muzik (2009), Edisi Pertama, h. 145).

<sup>47</sup> Ibn Hindu, 'Ali ibn al-Husayn (2010), *The key to Medicine and a Guide for Students, Miftah al-Tib wa Minhaj al-Tullab*, Tibi A. (terj.), Qatar: Garnet Publishing, h. 37.

<sup>48</sup> Instrumen tiupan yang paling popular dalam tamadun Greek ialah aulos. Ia mempunyai dua corong buluh dan lima lubang (kadang-kala enam lubang). Empat daripadanya terletak pada bahagian atas (untuk jari-jari), manakala satu lagi pada bahagian bawah (untuk ibu jari). Biasanya aulos diperbuat daripada buluh, kayu, tembaga, tulang dan juga gading gajah (Bundrick, S.D. (2005), *Music and image in classical Athens*, New York: Cambridge University Press, h. 34-35).

<sup>49</sup> Ikhwan al-Safa' (1887), *al-Rasa'il Ikhwan al-Safa' wa Khalan al-Wafa'*. juz. 1, 'Abd Allah, Ahmad (ed.), Bombay: Nakhbat al-Akhbar, h. 93.

kekuatan bunyinya boleh mengganggu temperamen serta mengakibatkan kematian mengejut. Oleh sebab itulah pihak musuh akan bertempiran lari sambil menutup telinga mereka masing-masing bila terdengar bunyinya.

### *Terapi Muzik dalam Tamadun Rom*

Terapi muzik juga pernah diaplikasi sebagai kaedah rawatan di dalam tamadun Rom. Tegas Koc et al.,<sup>50</sup> di antara tujuan aplikasi terapi muzik dalam tamadun Rom ialah untuk meredakan kesedihan, menghilangkan histeria, melegakan kesakitan akibat sengatan serangga berbisa, merawat penyakit yang disebabkan oleh mikrob dan merawat orang bisu. Bukti wujudnya intervensi rawatan berasaskan muzik dalam tamadun Rom ialah rawatan Asclepiades ke atas individu yang mengalami gangguan psikologi dan rawatan Aesculapius ke atas orang-orang pekak (menggunakan trompet). Tambah Bell & Condie,<sup>51</sup> Aesculapius juga merawat masalah kecelaruan mental yang teruk dan Asclepiades merawat seseorang yang dilanda kebimbangan atau keresahan. Manakala Carvelliin & Lippi<sup>52</sup> menyebut Cato merawat penyakit otot sementara Varro pula merawat penyakit gout menggunakan melodi muzik. Tambah Ibn Khurradadhbah,<sup>53</sup> apabila orang-orang Rom ditimpa kesakitan, mereka akan diterapi dengan muzik kerana dipercayai dapat mengurangkan kesakitan, menguatkan semangat dan memberi ketabahan.

### **Perbincangan dan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada sejarah terapi muzik dalam tamadun-tamadun silam tersebut, kajian ini mendapati bahawa tamadun Greek dilihat memberi sumbangan besar dalam mencorakkan pemahaman falsafah terapi muzik dalam kalangan masyarakat Arab abad pertengahan Islam menerusi penyerapan doktrin keharmonian objek samawi dan *ethos*. Dapatan ini adalah berdasarkan kepada kenyataan Farmer<sup>54</sup> di mana beliau menyebut karya-karya awal Greek yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab adalah karya berkaitan dengan doktrin keharmonian objek samawi dan *ethos*. Justeru, pada saat itulah bermulanya transmisi pemikiran falsafah terapi muzik daripada tamadun Greek ke dalam tamadun Islam.

Meskipun doktrin keharmonian objek samawi dan doktrin *ethos* diketahui oleh masyarakat Arab secara langsung daripada Greek, namun pada hakikatnya jelas Farmer,<sup>55</sup> doktrin keharmonian objek samawi adalah berasal daripada doktrin muzik kosmik (*cosmical musical doctrine*) yang dikatakan muncul buat pertama kalinya dalam tamadun Mesopotamia (Babylon dan Assyria). Hanya doktrin *ethos* sahaja yang dikatakan benar-benar tulen daripada tamadun Greek setelah ianya diidealisasikan menjadi sebuah prinsip yang sistematik. Orang-orang Babylon dan Assyria purba menyifatkan segala perubahan dalam kehidupan manusiawi adalah disebabkan oleh pengaruh daripada objek-objek samawi. Selain itu, keserasian yang wujud dalam bidang astrologi dan muzik menerusi prinsip nombor turut menjadi pemangkin kepada terbentuknya doktrin muzik kosmik. Berasaskan kepada doktrin tersebut, masyarakat dalam tamadun Mesopotamia cuba mengikat muzik dengan planet-planet, dewa-dewa, kedudukan geografi, bulan, hari, musim warna dan kekuatan (*faculty*) manusia di dalam satu sistem kosmik. Dikatakan doktrin muzik kosmik ini bukan sahaja menjadi pegangan masyarakat tamadun Mesopotamia, bahkan juga masyarakat tamadun Mesir purba kerana mereka turut meyakini setiap planet dan buruj mempunyai not-not muzik tertentu.

Oleh itu, tegasnya kajian ini membuktikan bahawa sumber pemahaman falsafah terapi muzik abad pertengahan Islam adalah melalui proses penterjemahan dan penggalian semula khazanah ilmu tamadun Greek. Impaknya menyaksikan sejumlah besar karya asli telah dihasilkan yang mencakupi pelbagai bidang ilmu termasuklah muzik. Sumbangan besar tokoh-tokoh sarjana abad pertengahan Islam tersebut bukan sahaja menjadi obor yang menerangi dunia Arab, bahkan juga seluruh dunia Barat dan Eropah.

<sup>50</sup> Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), "Nutrition of the soul and body," h. 52.

<sup>51</sup> Bell, J. & Condie, D. F. (ed.) (1864), *The Journal of Health and Physical Education*, USA: Samuel C. Atkinson, h. 367.

<sup>52</sup> Cervellini, G. & Lippi, G. (2011), "From music-beat to heart-beat," h. 371.

<sup>53</sup> Ibn Khurradadhbah, 'Ubayd Allah ibn 'Abd Allah (1969), *Mukhtar min Kitab al-Lahwi wa al-Malahi*, Bayrut: Dar al-Mashriq, h. 23.

<sup>54</sup> Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 296.

<sup>55</sup> Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 294-295.



Sehubungan dengan proses pemerolehan pengetahuan falsafah terapi muzik, Farmer,<sup>56</sup> menyifatkan orang-orang Arab memperolehinya secara horizontal (mendatar). Sementara orang-orang Eropah pula memperolehinya secara vertikal (menegak). Kajian ini mendapati bahawa kenyataan Farmer tersebut mempunyai konotasi tersendiri. Ia merupakan suatu simbolik kepada kesungguhan sarjana abad pertengahan Islam dalam usaha menimba ilmu. Pemerolehan secara horizontal bermaksud proses mendapatkan ilmu dari akar umbinya iaitu bermula dengan mengumpul, menterjemah, menggali semula, menemu sesuatu yang baru dan menghasilkan penulisan ilmiah yang tulen serta autentik. Manakala bangsa Eropah dan masyarakat Barat memperoleh pengetahuan muzik dengan cara yang mudah iaitu menerusi karya-karya yang telah dihasilkan oleh sarjana tamadun Islam. Mereka seolah-olah hanya memetik buah yang ranum ataupun menunggu buah yang gugur ke bumi tanpa perlu melalui proses yang panjang dan usaha jerih perih.

Di antara karya-karya tamadun Greek berkaitan dengan muzik yang telah melalui proses penterjemahan dan penggalan semula adalah seperti berikut:

- a. Karya Plato iaitu *Timaeus* (*Kitab Timaws*).
- b. Karya Aristotle iaitu *Politics* (*Kitab al-Siyasah*), *Problemata* (*Kitab al-Masa'il*), *Historia Animalium* (*Kitab al-Hayawan*), *De Anima* (*Kitab fi al-Nafs*), *De Caelo* (*Kitab al-Sama' wa al-'Alam*) dan *Metaphysics* (*Kitab Fi Ma Ba'd al-Tabi'ah*).
- c. Karya Euclid iaitu *Eisagoge Harmonike* (*Kitab al-Naghham*) dan *katatome Kanonos* (*Kitab al-Qanun*).
- d. Karya Galen iaitu *De voce* (*Kitab al-Sawt*).
- e. Karya Aristoxenus iaitu *Elementa Harmonica* (*Kitab al-Rimus*).
- f. Karya Nicomachus iaitu *Manuale Harmonicum* (*Kitab al-Musiqa al-Kabir*).
- g. Karya Ptolemy iaitu *Harmonics* (*Kitab al-Musiqa*).

Walaupun sejarah telah membuktikan bahawa doktrin terapi muzik yang berkembang dalam tamadun Islam bersumberkan kepada doktrin keharmonian objek samawi dan doktrin *ethos* yang dicituskan oleh tamadun Greek, namun sejarah juga turut membuktikan bahawa doktrin tersebut sebenarnya adalah pengaruh daripada sistem kepercayaan masyarakat dalam tamadun Mesopotamia dan tamadun Mesir purba. Malah, al-Kholy<sup>57</sup> turut mengaitkannya dengan pengaruh tamadun China purba. Biar apa pun pandangan berkaitan dengan susur galur doktrin-doktrin tersebut, namun apa yang pasti sarjana tamadun Islam abad pertengahan memperolehinya bukanlah dengan cara yang mudah, sebaliknya dengan usaha yang bersungguh-sungguh iaitu mencari, mengumpul, menterjemah, menyemak hasil terjemahan, membuat komentar, menambah baik dan menghasilkan karya asli yang berkualiti tinggi.

Menerusi penghasilan karya asli, secara tidak langsung doktrin terapi muzik mula berkembang dalam masyarakat Arab abad pertengahan Islam. Tokoh perintis yang mengembangkan doktrin terapi muzik menerusi penghasilan karya-karya asli ialah al-Kindi. Kemudian diteruskan kesinambungannya oleh sekumpulan ahli falsafah dari Basrah yang dikenali sebagai Ikhwan al-Safa', al-Farabi dan Ibn Sina. Dengan kewibawaan yang dimiliki oleh para sarjana Islam abad pertengahan, doktrin tersebut telah ditambah baik dan disusun semula dengan sistematik serta menepati dengan prinsip dan paradigma Islam iaitu penolakan terhadap unsur-unsur kepercayaan tahyul serta pendewaan misalnya punca penyakit disebabkan oleh roh jahat serta kuasa penyembuhan adalah milik dewa. Demikian juga al-Farabi dan Ibn Sina membuat ketetapan waktu terapi berdasarkan waktu-waktu solat sama ada solat fardhu ataupun sunat.

## **Kesimpulan**

Doktrin terapi muzik telah dibangunkan oleh para sarjana Islam abad pertengahan berdasarkan pemahaman mereka terhadap falsafah terapi muzik yang bersumberkan kepada penerokaan ke atas karya-karya tamadun Greek. Mereka bukan sahaja menterjemah, bahkan turut membuat komentar serta penambahbaikan sehingga terhasil karya-karya asli. Dengan pemahaman yang mendalam mengenai falsafah terapi muzik tersebut telah memberi impak yang besar kepada perkembangan terapi muzik. Natijahnya, terapi muzik telah diaplikasikan secara intensif dan ekstensif sama ada sebagai rawatan di hospital ataupun dalam amalan sufistik.

<sup>56</sup> Farmer, H. G. (1997), *Studies in Oriental Music*, h. 129.

<sup>57</sup> al-Kholy, S. A. (1984), *The Function of Music in Islamic Culture*, Egypt: General Egyptian Book Organization, h. 100.

**Penghargaan:** Kajian ini sebahagian daripada geran penyelidikan FRGS/1/2016/SSI05/UKM/02/1 berjudul Model Terapi Muzik dalam Perubatan berteraskan Amalan Perubatan Tamadun Islam.

## Rujukan

- al-<sup>o</sup>Allaf, <sup>o</sup>Abd al-Karim (1963), *al-Tarab <sup>o</sup>Inda al-<sup>o</sup>Arab*, Baghdad: al-Maktabah al-Ahliyah.
- al-Hajwiri, Abu al-Hasan <sup>o</sup>Ali ibn <sup>o</sup>Uthman (t.t.), *Kashf al-Mahjub*, Abu al-<sup>o</sup>Aza'im, Isma<sup>o</sup>il Madi (terj.), t.tp. : Dar al-Turath al-<sup>o</sup>Arabi.
- al-Hulwi, Salim (1974), *Tarikh al-Musiqa al-Syarqiyyah*, Bayrut: Dar maktabah al-Hayah.
- al-Kholy, S. A. (1984), *The Function of Music in Islamic Culture*, Egypt: General Egyptian Book Organization.
- al-Mu<sup>o</sup>jam al-Asasi al-<sup>o</sup>Arabi (t.t.), t.tp.: Larus.
- al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj (1960), *al-Luma<sup>o</sup>*, <sup>o</sup>Abd al-Halim Mahmud (ed.), Mesir: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- al-Urmawi, Safi al-Din <sup>o</sup>Abd al-Mu'min ibn Yusuf (t.t.), *Kitab al-Adwar wa al-Risalah al-Sharafiyah*, jil. 6, Istanbul: Maktabah Nur <sup>o</sup>Uthmaniyyah & Maktabah Tub Qabu Seray.
- Abdullah, M., Sidik @ Mat Sidek, R., & Kamaruzaman, A. (2019). Terapi Muzik sebagai Rawatan Komplementari di Bimaristan al-Mansuri pada abad ke 13 Masihi (Music Therapy as a Complementary Treatment in Bimarastan al-Mansuri during the 13th Century). *Journal of Al-Tamaddun*, Vol. 14, No. 1, 27-36.
- Bell, J. & Condie, D. F. (ed.) (1864), *The Journal of Health and Physical Education*, USA: Samuel C. Atkinson.
- Bundrick, S.D. (2005), *Music and image in classical Athens*, New York. Cambridge University Press.
- Burnett, C. (2000). "Spiritual medicine, Music and healing in Islam and its influence in western medicine," Penelope, G. (ed.), *Musical Healing in Cultural Contexts*, 85-91, England: Ashgate.
- Cervellin, G. & Lippi, G. (2011), "From music-beat to heart-beat: A journey in the complex interactions between music, brain and heart," *European Journal of Internal Medicine*, Bil. 22, no.4, 371-374.
- Cozma, C. (2007), *Ethos of music art- Essay in Moral Philosophy*, Romania: Editura 3D Arte.
- Farmer, H. G. (1997), *The Science of Music in Islam*. jil. 1. Neubauer, E. (ed.), Frankfurt: Institute for the History of Arabic-Islamic Science.
- Farrukh, <sup>o</sup>Umar (1970), *Tarikh al-<sup>o</sup>Ulum <sup>o</sup>ind al-<sup>o</sup>Arab*, Bayrut: Dar al-<sup>o</sup>Ilm li al-Malayin.
- Gocer, A. (1999), "A Hypothesis concerning the character islamic," *Journal of the History of Ideas* Bil. 60, no. 4, 683-692.
- Haji Khalifah, Mustafa ibn <sup>o</sup>Abd Allah & Chelebi, Katib (t.t.), *Kashf al-Zunun <sup>o</sup>an Asami al-Kutub wa al-funun*, jil. 2, Bayrut: Dar al-Turath al-<sup>o</sup>Arabi.
- <https://ummahonline.wordpress.com/2009/04/03/falsafah-dan-matematik-ibarat-aur-dan-tebing/> [10 April 2017].
- <https://www.ishim.net/articles.html> [20 Okt. 2016].

Ibn al-Qifti, °Ali ibn Yusuf (1908), *Ikhbar al-°Ulama' bi Akhbar al-Hukama'*, Mesir: Dar al-Kutub al-Khidiwiyyah.

Ibn Hindu, °Ali ibn al-Husayn (2010), *The key to Medicine and a Guide for Students, Miftah al-Tib wa Minhaj al-Tullab*, Tibi, A. (ed.), Qatar: Garnet Publishing.

Ibn °Imran, Ishaq (2009), *Maqalah fi al-Malikhuliya*, Tunis: Matba°ah al-Maghrib li al-Nashr.

Ibn Khurradadhbah, Ubayd Allah ibn °Abd Allah (1969), *Mukhtar min Kitab al-Lahwi wa al-Malahi*, Bayrut: Dar al-Mashriq.

Ikhwan al-Safa' (1887), *al-Rasa'il Ikhwan al-Safa' wa Khalan al-Wafa'*. juz. 1. °Abd Allah, Ahmad (ed.), Bombay: Nakhat al-Akhbar.

Isgandarova, N. (2015), "Music in Islamic spiritual care: a review of classical sources," *Religious Studies and Theology Journal*, Bil. 1, 101-113.

Kamus Seni Muzik (2009), Edisi Pertama, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karahan, S. (2006), Music in Turkey in the historical process therapy, Tesis Master, Universiti Istanbul.

Koc, E. M., Baser, D. A., Kahveci, R. & Ozkara, A. (2016), "Nutrition of the soul and body: music and medicine from past to present," *Konuralp Medical Journal*, Bil. 8, no. 1, 51-55.

Mir Mohammadi, A.S. (2016), "A study of the role of sama in literary mystical texts," *Journal of Fundamental and Applied Science*, Bil. 9, 366-382.

Nettl, P. (1889), *The Story of Dance Music*, New York: Greenwood Press.

Noer, K.A. (2006), "Tasawuf dalam Peradaban Islam: Apresiasi dan Kritik," *Ulumuna*, Bil. 10, no.2, 367-390.

Pisol Maidin & Mohd Nor Mamat (2014), Daripada falsafah menjadi sains: doktrin perubatan melayu dalam *kitab bustan al-salatin*, Perpustakaan Negara Malaysia, h. 1-12.

Schimmel, A. (1975), *Mystical Dimensions of Islam*, America: North Carolina Press.

Shehadi, F. (1995), *Philosophies of Music in Medieval Islam*, New York: E.J Brill.

Shiloah, A. (1993), "Musical modes and the medical dimension: The Arabic source (c.900-c.1600)," dlm. Shiloah, A. (ed.), *The Dimension of music in Islamic and Jewish culture*, 147-159, Great Britain: Variorum.

Whitebread, C. (1924), The magic, psychic, ancient Egyptian, Greek, and Roman medical collections of the division of medicine in the United States National Museum, *Proceedings of U.S National Museum*, 1-44.

Yusof, Zakariya (1962), *Musiqah al-Kindi*, Baghdad: Matba°ah Shafiq.

